

# UNIVERSITI MALAYA

## Bergerak ke Arah Membina Bahasa Melayu

Di antara rancangan-rancangan baharu Persekutuan Bahasa Melayu Universiti Malaya yang akan dilancarkan dalam tahun 1956 ini ialah membentuk badan yang akan menggubal satu sistem ejaan baharu yang sesuai untuk Malaya dan Indonesia. Badan ini akan dipandu oleh Tuan (Za'ba), pensyarah kanan dalam Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya.

Membentuk badan yang akan mengkaji jalan-jalan menyamakan Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia, serta menyediakan sebuah memorandum kerananya. Badan ini dipandu oleh Dr. De Jong, pensyarah dalam Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya.

Membentuk badan penyiasat lughah-lughah (gaya penuturan -p.) Melayu semenanjung dan menyediakan satu lughah. Badan ini dipandu oleh Tuan C. Sakinar, pensyarah dalam Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya.

Membentuk badan yang akan menyediakan sebuah daftar nama-nama dan gelaran-gelaran Melayu mengenai segi bibliografi sebagaimana yang dikehendaki oleh UNESCO. Badan ini dipandu oleh Ungku Abdul Aziz, pensyarah dalam Jabatan Ekonomi Universiti Malaya.

\*

Selain daripada itu persekutuan ini akan mengeluarkan majalah lidah rasmi, dengan nama majalah "Bahasa". Badan lembaga bahasanya akan diperluaskan lagi bagi mencari perkataan-perkataan baharu dalam ilmu-ilmu sains, falsafah, politik, perubatan, dan

ekonomi. Seratus perkataan yang telah pun diistilahkan akan dimuat dalam majalah "Bahasa" yang akan terbit itu.

Buku-buku pengetahuan, cerita-cerita pendek, terjemahan-terjemahan yang bermutu dan sebagainya akan diterbitkan juga, untuk bacaan ramai sambil menggalakkan ahli-ahlinya dan juga pengarang-pengarang luar supaya bekerja lebih cergas dalam soal penerbitan buku-buku.

Persekutuan ini terbuka pintunya kepada pencinta-pencinta kesusasteraan dan kebudayaan yang suka hendak menjadi ahli, dengan tujuan hendak mendapatkan kerjasama yang lebih rapat dengan orang ramai di luar universiti.

Patut juga disebut, kerajaan Johor telah menderma seribu ringgit kepada persekutuan ini bagi menjayakan rancangan-rancangan itu. Seruan supaya lain-lain kerajaan di Tanah Melayu sudi membantu seperti yang dibuat oleh kerajaan Johor telah pun disiarkan di dalam akhbar oleh persekutuan ini, yang juga menyeru kepada orang ramai supaya sudi membantu dengan hadiah buku-buku, wang dan sebagainya.

Pegawai-pegawai persekutuan ini ialah:

Yang di-Pertua: A. Luqman Musa, Naibnya: Zakaria Salim, Setiausaha : Nuh bin Haji Abdullah dan Bendahari Hashim Aman B.S.C.

Ahli-ahli jawatankuasa: Ungku Abdul Aziz B.A., Uthman Syam, Tahir Abd al-Rahman.

Pemeriksa kira-kira: Tuan C. Sakinar B.A. dan Ungku Umar bin Ahmad.

Penasihat: Tuan Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba) B.A., Dr. Rafi A.D. Joceline De Jong Ph. D. dan Tuan Sakinu B.A.